

PERANAN DAN CABARAN GURU-GURU PENDIDIKAN KHAS MEMBENTUK KEMENJADIAN MURID-MURID MASALAH PENDENGARAN DALAM ABAD KE 21

Siti Muhibah Binti Hj Nor

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur
simuhibah1969@gmail.com

Zetty Nurzuliana Rashed

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)
zetty@kuis.edu.my

ABSTRACT

This article in a paper concept that discusses the roles and challenges faced by special education teachers in educating and enhancing hearing impaired students quality of life. This is consistent with the aspiration of the National Transformation 2050 (TN50) also focuses on student personal development to the future nation's progress. In terms of student development, academic excellence is not the only main aims, but students must be educated holistically to produce Malaysian citizens who are responsible; knowledgeable; have honourable manners, and be able to achieve personal well-being. Therefore, students with hearing impairments require special education system to suit their different necessities. Special education teachers should prepare themselves with various knowledge, expertise and skills to accomplish the national aspiration. In addition, cooperation, collaboration and support from parent, school management, medical expert and community are significantly required.

Keywords: Enhancing hearing impaired students quality of life, Special education Teachers, Students with hearing impairment

ABSTRAK

Artikel ini merupakan kertas konsep yang akan membincangkan mengenai peranan dan cabaran guru-guru Pendidikan Khas dalam membentuk kemenjadian murid-murid masalah pendengaran. Ia selaras dengan kehendak Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang memberi fokus untuk melahirkan kemenjadian murid sebagai salah satu aspirasi untuk memacu negara di masa akan datang. Dalam membentuk kemenjadian murid, pencapaian akademik yang cemerlang bukanlah merupakan fokus utama tetapi murid perlu dididik secara holistik untuk melahirkan warga negara Malaysia yang bertanggungjawab, berpengetahuan, berakhlak dan mampu mencapai kesejahteraan diri. Dalam aspek ini murid-murid masalah pendengaran memerlukan pendidikan yang sesuai mengikut tahap kemampuan mereka. Justeru guru-guru Pendidikan Khas perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai pengetahuan, kepakaran dan kemahiran untuk mencapai aspirasi negara. Selain itu, kerjasama, kolaborasi dan sokongan daripada ibu bapa, pentadbir sekolah, pakar perubatan dan masyarakat amat diperlukan.

Kata Kunci: Kemenjadian murid, Guru Pendidikan Khas, Murid-murid masalah pendengaran

1 PENDAHULUAN

Tranformasi Nasional 2050 (TN50) adalah suatu gagasan oleh yang merupakan dasar bagi memeta hala tuju Malaysia untuk tempoh 30 tahun selepas 2020. Aspek ‘kemenjadian murid’ iaitu menjadi menjadi murid yang baik dari aspek sahsiah dan cemerlang akademiknya menjadi salah satu keutamaan dalam dasar TN50 bagi mewujudkan generasi yang berkemahiran tinggi untuk mengisi keperluan negara. Dasar tersebut bukan hanya meliputi kecemerlangan akademik sahaja malahan juga meliputi sahsiah dan kesihatan serta sifat positif murid itu sendiri. Selain itu, ciri-ciri utama seperti kemahiran kepimpinan dan kemahiran berfikir diperlukan bagi setiap murid untuk bersaing di peringkat global. Bagi mencapai gagasan tersebut, semua murid tanpa mengira tahap keupayaan turut sama terlibat termasuklah murid-murid berkeperluan khas. Keberhasilan untuk kemenjadian murid sudah tentu mempunyai hubungan yang signifikan dengan kemenjadian guru. Maka profesion keguruan menuntut seorang guru memiliki kemahiran untuk menyampaikan ilmu pengetahuan terutama kepada murid berkeperluan khas. Sehubungan itu guru pendidikan khas juga tidak terkecuali dan seharusnya berperanan utama dalam mencapai gagasan ini. Dalam kertas kerja ini penulis akan membincangkan mengenai peranan dan cabaran yang dihadapi oleh guru pendidikan khas dalam membangun kemenjadian murid-murid masalah pendengaran.

2 ISU-ISU BERKAITAN MURID-MURID MASALAH PENDENGARAN

Kejayaan seseorang dalam hidup dan kerjaya banyak didorong oleh ibu bapa dan guru-guru yang mendidik mereka. Sejarah telah menunjukkan bahawa orang kurang upaya juga mampu berjaya dalam kehidupan. Sebagai contoh, Helen Keller seorang buta dan pekak berjaya menjadi seorang yang terpelajar hasil didikan gurunya iaitu Ann Salivvan. Ini memperlihatkan di sebalik kejayaan Hellen Keller terdapat faktor penting dan peranan yang dimainkan oleh seorang guru yang dedikasi dan semangat yang tinggi hingga menjadikan anak muridnya berjaya. Pengorbanan yang dilakukan oleh Ann Sullivan membuktikan bahawa orang kurang upaya juga boleh berjaya sekiranya diberi pendidikan dengan menggunakan metodologi yang sesuai.

Kini dalam konteks Malaysia, tidak ramai golongan pekak berjaya dalam kehidupan atau hingga ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi berbanding golongan masalah penglihatan. Allahyarham Profesor Dato’ Dr Ismail Salleh merupakan mantan profesor Fakulti Ekonomi di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Naib Canselor sebuah IPT merupakan seorang OKU penglihatan yang berjaya mencipta nama dalam dunia akademik. Namun, keadaan ini berbeza dengan golongan masalah pendengaran kerana masih belum ada tokoh akademik daripada golongan ini yang berjaya ke peringkat yang lebih tinggi. Berdasarkan kepada rekod di Malaysia, terdapat golongan masalah pendengaran yang berjaya melanjutkan pelajaran di Universiti Gallaudet di Amerika Syarikat tetapi belum ada yang berjaya mencipta nama sebagai mana Profesor Dato’ Dr Ismail Salleh. Maka tumpuan harus diberikan kepada pembangunan dan kemenjadian murid golongan masalah pendengaran terlebih dahulu sebelum membincangkan isu kecemerlangan akademik dan kerjaya mereka. Apa yang utama ialah kemenjadian murid dan juga golongan masalah pendengaran yang merupakan warganegara Malaysia dan keperluan kemenjadian mereka ini selaraskan dengan keperluan dan hasrat kerajaan dalam TN50.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan kemudahan untuk golongan masalah pendengaran seperti sekolah pendidikan khas, program pendidikan khas integrasi dan juga guru-guru yang terlatih. Kemudahan ini bertambah dari semasa ke semasa selaras dengan pertambahan golongan masalah pendengaran di negara ini. Namun pencapaian akademik murid-murid masalah pendengaran masih di tahap lemah. Isu ini telah lama dibincangkan oleh para penyelidik dan kajian menunjukkan masalah bahasa, kurang yakin dengan diri sendiri, rendah diri, kurang bermotivasi serta lemah dalam kognitif, sukar memberi perhatian di dalam bilik darjah menjadi punca kelemahan mereka (Safani Bari et. al. 2003; Mokhtar Taha et. al. 2004; Mohd Hanafi Mohd Yassin et. al. 2004; Rosli Aliman 2008; Jamilah Kutti 2010; Siti Muhibah Hj Nor et. al. 2011).

Golongan masalah pendengaran juga mengimpikan kehidupan yang bahagia dan sukses bak kata pepatah berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan golongan tipikal. Menurut Pengerusi Persatuan Orang Pekak Malaysia, Mohd Sazali Saari dan sahabatnya yang juga seorang pekak, mereka melahirkan kerisauan mengenai sikap generasi muda masalah pendengaran yang tidak tetap pendirian, tidak serius bekerja, suka ponteng kerja dan sering mengambil cuti sakit, bergaduh dan juga suka lompat kerja. Bagi mereka meskipun generasi muda berpelajaran tinggi namun cara mereka berfikir seperti kurang berpendidikan (Sazali, 2010). Pendapat ini selaras dengan tulisan Koon Wei et. al. (2006) dalam bukunya '*Understanding Deaf Culture, Malaysia Perspectives*' golongan masalah pendengaran gemar dan suka membuang masa dengan berkumpul sesama mereka di kedai makan sambil berbual perkara yang tidak penting.

Sazali (2004) peningkatan masalah sosial dalam kalangan golongan masalah pendengaran semakin membimbangkan. Kesukaran untuk berkomunikasi dengan masyarakat sekeliling menyebabkan mereka kehilangan hak untuk sama-sama merasai kenikmatan hidup. Akibat ilmu pengetahuan tidak sampai kepada orang pekak dan orang pekak lambat untuk menilai baik buruknya sesuatu. Mereka menjadi bodoh walaupun mereka bukan dilahirkan untuk menjadi bodoh. Orang yang menjadi penyebab orang pekak menjadi bodoh bukan orang yang pandai. Tanpa perhatian dan bimbingan dikhuatiri kumpulan minoriti ini akan jauh tersasar daripada landasan yang betul (Utusan Malaysia, 2004).

Menurut Mohd Huzairi et. al. (2010) faktor rakan sebaya mempengaruhi murid-murid masalah pendengaran melakukan perkara yang negatif dan ini ditambah pula dengan masalah kekurangan dan kelemahan penguasaan asas pengetahuan agama Islam. Kajian Mohd Huzairi (2014) juga menunjukkan golongan pekak yang beragama Islam tidak dapat mendalami agama Islam dengan baik. Terdapat banyak kes yang berkaitan salah laku akhlak, masalah perkahwinan dan perceraian, murtad dan hal-hal lain yang berkaitan agama Islam berlaku dalam kalangan golongan masalah pendengaran di Malaysia. Sehubungan itu, proses membangunkan kemenjadian murid masalah pendengaran memerlukan integrasi antara rumah dan sekolah. Ia tidak boleh di letakkan di atas bahu sebelah pihak sahaja. Justeru, peranan guru Pendidikan Khas tidak kurang pentingnya bagi mencapai cita-cita tersebut.

3 PERANAN GURU PENDIDIKAN KHAS

Kemenjadian murid mempunyai hubungan yang signifikan dengan peranan guru di mana guru memainkan peranan utama mendidik murid-murid di sekolah. Di Malaysia, hari ini sebahagian masa murid-murid dihabiskan di sekolah termasuklah murid-murid masalah pendengaran. Kajian

yang dijalankan oleh Ab. Halim Tamuri (2010) menunjukkan pengaruh guru sangat besar dalam membentuk akhlak murid-murid. Ia selaras dengan Zetty Nurzuliana (2017) menyatakan, pembentukkan sahsiah murid dan memastikan proses ‘kemenjadian murid’ menjadi satu realiti bergantung kepada keupayaan guru melaksanakan tugas sebagai guru ‘sejati’ di sekolah.

Peranan guru bukan setakat mengajar malahan mereka juga berperanan sebagai mursyid, mualim, muadib, mudarris dan murabbi (Ab. Halim Tamuri, 2015). Tugas guru pendidikan khas lebih mencabar kerana mereka perlu membimbing murid-murid yang kelainan upaya di samping mempunyai masalah yang pelbagai. Guru pendidikan khas bukan setakat mengajar dalam bilik darjah bahkan mereka juga sebagai kaunselor, pengasuh dan pemudahcara. Menurut Hajarul Bahti (2016) guru pendidikan khas perlu mempunyai sifat sabar yang tinggi, penyayang, jujur serta bertanggungjawab. Sifat ini perlu dalam menghadapi karenah murid khas yang sukar dijangka. Bagi menghadapi situasi ini guru perlu mengawal perasaan serta pandai menghargai kebolehan murid biarpun pencapaian mereka sangat minima. Selain itu, guru pendidikan khas juga perlu menguasai kemahiran interpersonal dan intrapersonal di samping menguasai kemahiran bahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan murid masalah pendengaran. Peranan guru bukan setakat memindahkan ilmu tetapi membimbing dan membangun jiwa murid menjadi manusia yang baik. Penampilan guru perlu sentiasa kemas dan menarik kerana guru merupakan *role model* serta mudah mesra untuk didampingi oleh murid-murid (Ab. Halim Tamuri, 2015).

Guru perlu membuat persediaan yang rapi agar proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan. Dalam era globalisasi ini kaedah ‘*chalk and talk*’ kurang sesuai manakala pembelajaran kontekstual, konstruktivisme, pembelajaran masteri dan kecerdasan pelbagai perlu dijalan memandangkan ia dapat memberi gambaran yang sebenar kerana murid masalah pendengaran adalah *visual learner*. Menurut Don Skinner (2010) guru perlu menguasai kaedah pedagogi yang sinonim dengan pengetahuan sedia ada murid yang bersifat homogenius, menggunakan bahan bantuan mengajar yang sistematik dan menarik agar objektif yang dirancang dapat dicapai. Pencapaian objektif mestilah berbentuk eksplisit yang mampu merangsang murid memahami isi pembelajaran.

Kaedah berpusatkan murid mesti dilaksanakan di mana guru berfungsi sebagai moderator yang berkesan. Nilai-nilai murni perlu diterapkan pada setiap topik dan penilaian secara formatif perlu dilaksanakan. Oleh itu, secara keseluruhan sistem penyampaian guru dalam pembelajaran dan pengajaran bukan lagi berbentuk stereotaip tetapi berbentuk proaktif. Bagi murid masalah pendengaran mereka sukar untuk berkongsi cerita atau masalah dengan orang lain kecuali dengan guru yang mereka sukai dan adakalanya hubungan mereka lebih rapat berbanding hubungan dengan ibu bapa. Walaubagaimanapun tugas sebagai guru memerlukan pengorbanan jiwa dan raga. Pelbagai rintangan dan cabaran perlu ditempuhi dalam mendidik murid-murid berkeperluan khas.

4 CABARAN GURU PENDIDIKAN KHAS

Cabaran guru pendidikan khas berbeza berbanding guru tipikal. Pelbagai kerenah murid-murid daripada pelbagai kategori ketidakupayaan memerlukan guru mempersiapkan diri dengan pelbagai kepakaran dan kemahiran untuk berhadapan dengan murid-murid kurang upaya. Antara cabaran utama guru baru ialah salah penempatan. Menurut Nik Hassan Seman et.al. (2016) isu permulaan yang dihadapi guru mata pelajaran Pendidikan Islam yang baru memulakan kerjaya sebagai guru ialah penguasaan bahasa isyarat. Isu ini timbul kerana opsyen yang diterima semasa mengikuti latihan perguruan di di IPG atau IPTA adalah berbeza dengan di sekolah sebagai contoh guru dalam

bidang masalah pembelajaran telah ditempatkan di program integrasi Pendidikan Khas masalah pendengaran dan terpaksa mengajar pelajar masalah pendengaran. Hal ini menimbulkan keresahan kepada guru berkenaan kerana terpaksa mempelajari bahasa isyarat bagi berkomunikasi bersama pelajar masalah pendengaran. Isu ini telah lama dibangkitkan namun saban tahun ia akan berulang. Pihak Kementerian Pendidikan sepatutnya lebih teliti dalam menentukan penempatan guru-guru baru.

Tekanan daripada pihak atasan seperti pentadbir sekolah dan Kementerian Pendidikan juga merupakan cabaran guru-guru Pendidikan Khas. Ada segelintir pentadbir tidak faham dan arif mengenai murid-murid berkeperluan khas. Mereka terlalu mementingkan pencapaian akademik dan memaksa guru menghabiskan sukatan pelajaran sedangkan murid-murid masih belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M). Guru terpaksa mengajar mengikut sukatan meskipun ada sebahagian besar belum tahu menulis nama sendiri. Menurut Zuhairah dan Zamri (2010) ada segelintir pentadbir sekolah yang mengarahkan guru pendidikan khas terlibat dengan aktiviti murid tipikal seperti membawa keluar murid tipikal yang mewakili sekolah. Tugas tersebut adalah diluar bidang kuasa guru pendidikan khas dan mereka tidak dapat memberi tumpuan yang khusus serta mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah pendengaran.

Guru-guru pendidikan khas juga berhadapan dengan sikap lepas tangan ibu bapa. Perasaan rendah diri dan malu bila mendapat anak bermasalah pendengaran menyebabkan ibu bapa mengabaikan tanggungjawab mereka untuk mengenalpasti masalah yang dialami seterusnya mendapatkan rawatan yang sepatutnya. Sekiranya pengesanan dan intervensi awal tidak dilakukan ia akan mengakibatkan kelewatan dalam perkembangan bahasa dan pertuturan, kemahiran komunikasi, kognitif dan sosial. Kelewatan dalam perkembangan ini juga mengakibatkan kanak-kanak akan ketinggalan jauh di belakang jika dibandingkan dengan rakan sebayanya yang lain serta akan menyebabkan kurangnya keyakinan diri. Selain itu, ada sebahagian ibu bapa tidak mahu belajar bahasa isyarat yang *standard*. Sikap ego ibu bapa menyebabkan hubungan antara mereka tidak rapat contohnya bagaimana ibu bapa hendak menegur kesilapan yang dilakukan oleh anak mereka sekiranya mereka tidak boleh berkomunikasi antara satu sama lain. Kebanyakan remaja masalah pendengaran tidak mahu tinggal bersama keluarga selepas mereka tamat persekolahan atas alasan masalah komunikasi. Mereka lebih gemar tinggal bersama kawan-kawan yang senasib dengan mereka (Siti Muhibah Hj. Nor et al. 2011).

5 CADANGAN MEMBENTUK KEMENJADIAN MURID

Ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam membentuk kemenjadian murid masalah pendengaran. Hasil kajian yang dijalankan oleh Shahrul Arba'iah (2007) mendapati anak-anak yang diberi intervensi awal terutama input bahasa didapati lebih berjaya dalam pelajaran. Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia (2002) telah menggariskan beberapa peranan dan tanggungjawab yang boleh dilaksanakan oleh ibu bapa yang mempunyai anak pekak iaitu : i) mendapatkan pemeriksaan awal jika mensyaki anak mempunyai masalah pendengaran, ii) berpengetahuan tentang khidmat dan bantuan yang disediakan, mengetahui tahap kebolehan anak-anak, dan jangan beza-bezakan anak, iii) pastikan tentang pilihan kaedah komunikasi dan pendidikan yang sesuai dengan anak, iv) libatkan semua ahli keluarga termasuk keluarga kembangan dalam aktiviti dengan anak pekak, v) berkongsi sumber maklumat dengan kumpulan sokongan keluarga atau agensi yang memberi khidmat kepada orang pekak, vi) bina dan kekalkan sikap positif dalam keluarga, dan vii) galakkan sikap positif dalam diri anak pekak. Apabila peranan dan tanggungjawab ini dapat dipenuhi oleh ibu bapa, kemungkinan untuk anak pekak berjaya dalam hidupnya menjadi semakin cerah (Sahrul Arba'iah, 2007) Ibu bapa perlu menggunakan masa bersama anak-anak dengan

sebaiknya kerana anak-anak ini adalah amanah dan potensi diri mereka perlu dibangunkan agar mereka menjadi insan yang baik dan bertanggung jawab.

Selain itu masyarakat juga berperanan dan bertanggungjawab dalam membentuk kemenjadian golongan masalah pendengaran. Peribahasa “menjaga tepi kain orang” ada kebaikannya di mana masyarakat merupakan mata-mata kepada aktiviti anak-anak. Kajian menunjukkan bahawa proses pembelajaran turut berlaku di luar sekolah, termasuk di rumah dan dalam masyarakat. Ia melibatkan ibu bapa, masyarakat, sektor swasta dan sektor sosial sebagai rakan dalam membantu membentuk kemenjadian murid. Oleh itu, keutamaan kini adalah melakukan anjakan daripada “pembelajaran sekolah” kepada “sistem pembelajaran” dengan melibatkan ibu bapa, masyarakat, sektor swasta dan sektor sosial sebagai rakan dalam membantu pembelajaran murid. Kajian antarabangsa menunjukkan bahawa sesetengah pelibatan yang demikian meninggalkan kesan yang signifikan. Pelbagai pihak digesa untuk wujudkan lebih banyak Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang membantu golongan masalah pendengaran terutamanya dalam memberi pendedahan atau kursus bahasa isyarat kepada masyarakat agar dapat berkomunikasi dengan golongan masalah pendengaran. Selain itu lebih ramai sukarelawan dapat dilatih untuk membantu mengadakan kursus motivasi kepada golongan masalah pendengaran.

Pendidikan agama kepada golongan masalah pendengaran perlu diberi perhatian yang serius kerana ia dapat memupuk cara hidup Islam yang merangkumi aqidah, muamalah, ibadah dan akhlak dalam jiwa generasi muda agar dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian (Abdul Halim Tamuri 2007; Siti Muhibah Hj. Nor et al. 2011). Sehubungan itu proses pengajaran dan pengajaran Pendidikan Islam kepada murid bermasalah pendengaran perlulah dibuat satu sukatan atau kurikulum baharu yang sesuai dengan kelainan keupayaan golongan ini agar isi kandungan yang disampaikan oleh guru mudah difahami (Mohd Hanafi Mohd Yasin et. al 2005; Huzairi et al 2010; Hamdi Ishak et.al 2010; Siti Muhibah Hj Nor 2010; Syar Meeze Mohd Rashid 2016; Norakyairie Hj Mohd Raus 2016). Hasil kajian yang dijalankan oleh sebuah NGO Islam iaitu Yayasan Faqeh telah menemukan kaedah yang sesuai untuk murid-murid masalah pendengaran membaca Al-Quran iaitu kaedah fakih dan kaedah penulisan wahyu. Pendidikan Al-Quran sangat penting dan seharusnya di ajar diperingkat awal agar benih-benih keimanan dapat ditanam dan disemai dalam jiwa anak-anak. Hanya keimanan yang tinggi dapat mengawal mereka daripada melakukan perkara yang tidak diingini (Syar Meeze Mohd Rashid, 2016).

6 KESIMPULAN

Dalam menghadapi era globalisasi pada hari ini, manusia terdedah dengan pelbagai bentuk serangan yang menjadi cabaran kepada pembangunan manusia. Keupayaan untuk membangunkan kemenjadian murid-murid masalah pendengaran memerlukan pengorbanan dan menjadi tanggungjawab ibu bapa, guru, masyarakat dan pemerintah. Kemenjadian generasi muda sebagai insan yang seimbang bermula dengan sistem pendidikan yang berkualiti dan berkesan. Keupayaan mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bergantung kepada kemampuan guru sebagai pelaksana dan agen proses pendidikan yang cemerlang. Pengetahuan, kemahiran, komitmen, kesedaran dan motivasi guru merupakan pemangkin kepada kejayaan pelaksanaan pendekatan pendidikan integrasi dalam pengajaran. Guru pendidikan khas perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran agar proses pengajaran lebih menarik dan berkesan. Sehubungan itu, guru-guru perlu diberi ilmu dan latihan secukupnya bagi membolehkan mereka memberi perkhidmatan yang sebaiknya.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Zetty Nurzuliana Rashed. (2017). *IHES Asas Pendekatan Ke Arah Kemenjadian Generasi Al Quran*. Kertas Kerja dalam Seminar Guru-Guru di Jabatan Agama Islam Selangor.
- Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri. (2015). Standardization of Islamic Education Excellence in The World dalam *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (Tamu) 1(2)* :109-120.
- Ahmad Tafsir. (2007). *Ilmu Pendidikan Dalam Perspektif Islam*. 7th edition. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- America Speech-Language-Hearing Association (ASHA). (2000). Principles and Guidelines for Early Hearing Detection and Intervention Programs.
- Antia, S.D., Jones. P.B., Reed. S., & Kreimeyer, K.H. (2009). Academic Status and Progress of Deaf and Hard of Hearing Students in General Education Classrooms. *Jurnal of Deaf Studies and Deaf Education*, Vol. 14 (3): 293- 331.
- Don Skinner. (2010). *Effective Teaching and Learning in Practice*. London: Continuum International Publishing Group.
- Hajarul Bahti Zakaria. (2016). Profesionalisme Guru Dalam Pengajaran Orang Kelainan Upaya dalam *Persidangan Meja Bulat Pendidikan al Quran Holistik untuk orang Kelainan Upaya (OKU)* .Universiti Sains Islam Malaysia.
- Maju Diri Y Foundation For The Deaf. (2006). *Understanding Deaf Culture, Malaysia Perspectives*. Kuala Lumpur: Maju Diri Y.
- Mohd Huzairi Awang @ Hussain & Hajarul Bahti Zakaria. (2010). Peranan Masjid Dalam Pendidikan: Tumpuan Khusus Terhadap Golongan Pekak dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid: Memperkasa Masjid Sebagai tempat Pengajaran dan Pembelajaran*. 288 - 297 Bangi: UKM.
- Mohd Huzairi bin Awang @ Husain. (2010). Persepsi Pelajar Bermasalah Pendengaran Terhadap Pembelajaran Fardhu Ain: Cabaran Terhadap Guru. *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education*.
- Nik Hassan Seman, Mustafa Che Omar, Abdullah Yusoff & Mohd Yusof Abdullah.(2016). Analisis Permasalahan Pelajar Cacat Pendengaran Dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam Di Malaysia. *Jurnal Ilmi* Jilid 6: 105-124.

- Norakyairee Hj Mod Raus.(2016). Model Dan Kurikulum Pendidikan Al Quran Holistik Bagi OKU. *Persidangan Meja Bulat Pendidikan Al- Quran Holistik untuk orang Kelainan Upaya (OKU)*.Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nurul Hariza Binti Hamid.(2012). Aspirasi Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar Bermasalah Pendengaran Di Politeknik. *Tesis Doktor Falsafah*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakib & Mohd Zohir Ahmad. (2003). *Pedagogi Strategi dan Teknik mengajar Berkesan*. Pahang: PTS .
- Shahrul Arba'iah Othman. (2007). Faktor yang Menyumbang kepada Kecemerlangan Akademik Pelajar Pekak: Kajian Kes Retrospektif. *Tesis Doktor Falsafah*, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Muhibah Hj Nor, Safani Bari & Abdul Halim Tamuri. (2011). Pelaksanaan Pendidikan Akhlak Murid Islam Bermasalah Pendengaran dalam *Tranformasi dan Inovasi Dalam Pendidikan*. Bangi:UKM.
- Syar Meeze Mohd Rashid. (2016). Kemahiran Asas serta Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Al Quran Kepada Golongan Istimewa. *Persidangan Meja Bulat Pendidikan al Quran Holistik untuk orang Kelainan Upaya (OKU)*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Zuhairah Muhammad & Zamri Mahamood. (2010). Masalah Guru-Guru Pendidikan Khas Di Sekolah: Satu Tinjauan dalam *Proceeding First Annual Inclusive Education Practice Conference*. UKM dan UPI Bandung